

Bush mohon Abdullah selesaikan perbalahan di Iraq, Lebanon

CARACAS 19 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush menghubunginya minggu lalu untuk meminta beliau membantu membaiki keadaan konflik antara mazhab Sunah dan Syiah yang semakin buruk di Iraq dan Lebanon.

Perdana Menteri yang merupakan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, dalam perbualan telefon itu Presiden Bush menyentuh isu Iraq.

Abdullah memberitahu wartawan Mala-

ysia di sini semalam bahawa Presiden Bush memberitahunya, walaupun pilihan raya telah diadakan di Iraq, ia masih tidak dapat menyelesaikan konflik di negara itu.

Beliau yang sedang mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Venezuela memberitahu, Presiden Bush meminta bantuan Malaysia sebagai Pengerusi OIC untuk menangani isu tersebut.

"Harapannya ialah kita sekurang-kurangnya dapat meredakan situasi tegang dan pergaduhan yang wujud sesama orang

Islam di Iraq.

"Begitu juga dengan situasi di Lebanon. Pada waktu ini pertempuran dan perbalahan antara penganut mazhab nampaknya membawa pengaruh-pengaruh yang menyusahkan di negara-negara berkenaan," kata Abdullah.

Amerika Syarikat yang menceroboh Iraq pada 2003 dan menumbangkan kerajaan bekas Presiden Saddam Hussein berharap bantuan OIC dapat menyelesaikan perbalahan antara penganut mazhab Sunnah

dan Syiah di negara-negara itu.

Abdullah berpendapat apabila Presiden Bush menghubunginya Amerika Syarikat kini menganggap OIC lebih berkemampuan dalam menyelesaikan konflik di negara-negara Islam.

Ditanya apakah rancangan OIC bagi membantu meredakan ketegangan di Iraq dan Lebanon, Perdana Menteri memberitahu, OIC memang telah merangka rancangan sendiri.

- Utusan

LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA